



01 FEB, 2024

JKDM Kelantan rampas lebih 13,000kg ayam beku

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2



RAMPASAN: Wan Jamal Abdul Salam (tengah) bersama pegawai menunjukkan sebahagian ayam sejuk beku yang dirampas dalam operasi di Kampung Pulau Tebu pada sidang media di Wisma Kastam Padang Bongor, Kota Bharu semalam. — Gambar Bernama

JKDM Kelantan rampas lebih 13,000kg ayam beku

KOTA BHARU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan merampas 13,350 kilogram ayam beku bernilai hampir RM100,000 termasuk cukai di Kampung Pulau Tebu, di sini, kelmarin.

Pengarah JDKM Kelantan Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata kesemua ayam beku itu ditemukan kira-kira 8 pagi, di dalam dua lori yang ditinggalkan di hadapan sebuah rumah di kampung berkenaan.

“Berdasarkan intipan, ayam beku berkenaan disyaki diperolehi dari negara jiran dengan dibawa masuk menggunakan perahu.

“Kesemua ayam beku itu kemudian dipunggah menggunakan kenderaan lebih kecil termasuk kenderaan pe-

numpang atau pacuan empat roda sebelum diisi ke dalam lori,” katanya pada sidang media di Pejabat JKDM Padang Bongor di sini semalam.

Beliau berkata, ayam beku yang diragui status halalanya itu dipercayai untuk pasaran tempatan selain berkemungkinan dihantar ke Lembah Klang.

Wan Jamal Abdul Salam berkata, ayam beku diklasifikasikan sebagai barang larangan import yang tertakluk di bawah Butiran 1 Jadual Ketiga Bahagian I Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023.

Kes katanya sedang disiasat lanjut mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 termasuk mengenal pasti pemilik barang dagangan yang dirampas itu. — Bernama



01 FEB, 2024

JKDM Kelantan rampas lebih 13,000kg ayam beku

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA BHARU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantanmerampas 13,350 kilogram ayam beku bernilai hampir RM100,000 termasuk cukai di Kampung Pulau Tebu, di sini, kelmarin. Pengarah JDKM Kelantan Wan Jamal Abd ul Salam Wan Long berkata kesemua ayam beku it u ditemukan kira- kira 8 pagi, di dalam dua lori yang ditinggalkan di hadapan sebuah rumah di kampung berkenaan. "Berdasarkan intipan, ayam beku berkenaan disyaki diperoleh dari negara jiran dengan dibawa masuk menggunakan perahu.